

SEMINAR ABDULLAH HASSAN SAH2021

WARISAN DAN PEMIKIRAN ABDULLAH HASSAN

27 JULAI 2021

PUSAT PENGAJIAN BAHASA, LITERASI DAN TERJEMAHAN
PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

DENGAN KERJASAMA

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
PERSATUAN PENDIDIK BAHASA MELAYU MALAYSIA

Warisan dan Pemikiran Abdullah Hassan

ANJURAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Bahagian Bahasa Malaysia, Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan

Bahagian Pengajian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Kluster Bahasa Melayu dan Sains Sosial, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan

DENGAN KERJASAMA

Dewan Bahasa Dan Pustaka Wilayah Utara
Persatuan Pendidik Bahasa Melayu Malaysia

KANDUNGAN

3

ATUR CARA SEMINAR

4

JADUAL PEMBENTANGAN

6

ABSTRAK UCAP UTAMA

7

ABSTRAK PEMBENTANGAN SELARI

16

ORGANISASI JAWATANKUASA

17

KERJASAMA

ATURCARA

SEMINAR ABDULLAH HASSAN 2021

SELASA, 27 Julai 2021

| | | | |
|---------------------|--|--------------------|---------------------------------|
| 8.30 – 9.00 pagi | Pendaftaran Peserta | 1.00 – 2.30 petang | Rehat |
| 9.00 – 9.05 pagi | Bacaan Doa | 2.30 – 4.30 petang | Sesi Selari 2A dan 2B |
| 9.05 – 10.05 pagi | Ucap Utama Yang Berbahagia Profesor Emeritus Abdullah Hassan | 4.30 – 5.00 petang | Majlis Perasmian Penutup |
| 10.05 – 11.30 pagi | Sesi Bicara Tokoh Profesor Abdul Rasid Jamian Profesor Madya Dr. Rogayah Razak Profesor Madya Dr. Hasuria Che Omar | 5.00 petang | Tamat |
| 11.30 – 1.00 t/hari | Sesi Selari 1A dan 1B | | |

| | SESI SELARI 1A | SESI SELARI 1B |
|-------------------|--|--|
| | PENGERUSI SESI: PN. AISYAH WAHAB | PENGERUSI SESI: PN. SUHANA YUSUF |
| | PEMBANTU: CIK SITI HASNAH ZAINAL ABIDIN | PEMBANTU: PUAN NORHANIZA ABDUL KHAIRI |
| 11.30 – 11.45 pg | <u>Kertas Kerja 1</u> PENGUASAAN TATABAHASA BAHASA MELAYU OLEH PELAJAR ASING NORSOFIAH ABU BAKAR DAN WAN AZNI WAN MOHAMAD | <u>Kertas Kerja 5</u> PROSES PSIKOLOGI DAN STRATEGI KOGNITIF PENTERJEMAH DWIBAHASA ANIS SHAHIRAH ABDUL SUKUR |
| 11.45 – 12.00 tgh | <u>Kertas Kerja 2</u> RAJAH POHON DAN RUMUS MORFOGRAFEMIK KATA KERJA DALAM MORFOLOGI (2006) RADIAH YUSOFF DAN HASMIDAR HASSAN | <u>Kertas Kerja 6</u> KATA SAPAAN DAN RUJUKAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT BANJAR TERPILIH DI DAERAH KERIAN, PERAK YUSMAWATI MAT YUSOF DAN MOHD KHAIDIR ABDUL WAHAB |
| 12.00 – 12.15 tgh | <u>Kertas Kerja 3</u> BINAAN KATA KERJA TRANSITIF + KATA PENEGAS + OBJEK: SATU HURAIAN DARI SUDUT NAHU DAN SEMANTIK HASMIDAR HASSAN DAN RADIAH YUSOFF | <u>Kertas Kerja 7</u> BAGAIMANAKAH CARA MENGANGKAT BUAH FIKIRAN LEBIH TINGGI? JAMAL RIZAL RAZALI |
| 12.15 – 12.30 tgh | <u>Kertas Kerja 4</u> DISFEMISME DALAM KALANGAN REMAJA JAMILAH BEBE MOHAMAD | <u>Kertas Kerja 8</u> PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA MELALUI PROSES LATIHAN DAN PENGULANGAN: SATU KAJIAN KES SITI HASNAH ZAINAL ABIDIN DAN MUHAMMAD ZUHAIR ZAINAL |

| | SESI SELARI 2A | SESI SELARI 2B |
|-----------------|---|--|
| | PENGERUSI SESI: PN. NOR HAYATI ABD GHANI PEMBANTU: DR.KHAIDIR ABD WAHAB | PENGERUSI SESI: CIK MAZLINA BAHARUDIN PEMBANTU: PM DR. SHAHABUDIN HASHIM |
| 2.30 – 2.45 ptg | <u>Kertas Kerja 9</u> KAITAN PENGGUNAAN BAHASA DENGAN MENTALITI : SATU TINJAUAN DALAM MEDIA SOSIAL FACEBOOK PENGASAS PRODUK KECANTIKAN NUR AISYAH M. RIDZUAN, HELMEY ZAINEE MOHD ZAIN, ZURAIHAN ZAKARIA, NURUL ADILLAH RAMLAN | <u>Kertas Kerja 14</u> KOMUNIKASI DAN HASIL: EKSPRESI TERHADAP GAGASAN KOMUNIKASI INTIM ABDULLAH HASSAN DAN AINON MOHD MD BAHARUDDIN BIN ABDUL RAHMAN, MUHAMMAD ZUHAIR BIN ZAINAL |
| 2.45 – 3.00 ptg | <u>Kertas Kerja 10</u> SUMBANGAN ABDULLAH HASSAN DALAM MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU TINGGI SALINAH JAAFAR | <u>Kertas Kerja 15</u> AMANAT PROF DOLLAH: DARI USM KE SEMANGGOL HINGGA BAHASA MELAYU TINGGI NOORDIN MOHD NOOR |
| 3.00 – 3.15 ptg | <u>Kertas Kerja 11</u> PENGARUH PERSONALITI INTROVERT-EKSTROVERT TERHADAP KECENDERUNGAN MEMBISU BERPANDUKAN KEMAHIRAN BERBAHASA DALAM KALANGAN PEKERJA MELAYU DI ORGANISASI JERMAN DI MALAYSIA. ROBE'AH YUSUF, AZHAR HJ WAHID DAN SITI ASMA' MOHD ROSDI | <u>Kertas Kerja 16</u> SLANGA DALAM MEDIA SOSIAL ANIS NABILLA AHMAD |
| 3.15 – 3.30 ptg | <u>Kertas Kerja 12</u> KESEDARAN DAN REALISASI BUNYI DALAM PENULISAN MASYARAKAT PENUTUR DIALEK MELAYU UTARA NORHANIZA ABDUL KHAIRI | <u>Kertas Kerja 17</u> TEKNOLOGI STRUKTUR KONSEPTUAL DALAM PENGAJIAN SEMANTIK GERAK BAHASA MELAYU NURUL JAMILAH ROSLY |
| 3.30 – 3.45 ptg | <u>Kertas Kerja 13</u> PENJANAAN MINDA KREATIVITI PERIBUMI MELALUI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU. APAKAH STRATEGINYA? MUHAMMAD ZUHAIR BIN ZAINAL DAN MD BAHARUDDIN BIN ABDUL RAHMAN | <u>Kertas Kerja 18</u> PENGAJARAN BAHASA MELAYU DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH PSIKOLINGUISTIK JONG HUI YING |
| 3.45 – 4.00 ptg | | <u>Kertas Kerja 19</u> HUBUNGAN KEKERABATAN BAHASA BANJAR DENGAN BAHASA MELAYU: KAJIAN PERBANDINGAN LEKSIKOSTATISTIK MOHD KHAIDIR ABDUL WAHAB |

ABSTRAK

UCAP UTAMA

Profesor Emeritus Abdullah Hassan

Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan, anak kelahiran Perak, antara sarjana linguistik, bahasa, dan terjemahan tersohor di Malaysia dan Nusantara. Beliau pernah berkhidmat di USM, UIAM, UPSI dan UM serta pernah memegang jawatan dekan di USM dan UIA. Sebagai mengenang jasa dan khidmat beliau kepada USM, linguistik dan bahasa Melayu, beliau dianugerahi gelaran Profesor Emeritus pada tahun 2006. Beliau juga pernah dianugerahi Zamalah Fullbright-Hays dan memegang Kursi Tun Abdul Razak. Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan adalah antara sarjana dan penggerak utama dalam memperjuangkan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar untuk pendidikan sains dan matematik, pendidikan tinggi dan pentadbiran.

Kini, beliau ialah Presiden Persatuan Penterjemah Malaysia selain menjadi ahli seumur hidup bagi persatuan ini dan Persatuan Linguistik Malaysia serta beberapa persatuan lain. Selain itu, beliau bersama isteri juga terlibat dengan aktiviti amal untuk masyarakat setempat. Antara bidang kepakaran dan penulisan Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan adalah linguistik (linguistik umum, morfologi, perancangan bahasa), bahasa Melayu, terjemahan, perkamusan, komunikasi interpersonal dan teknik berfikir. Antara karya asal beliau adalah *The Morphology of Malay* (1972), *Linguistik am untuk guru Bahasa Malaysia* (1980) yang diterbitkan semula sebagai *Linguistik Am* (2005), *Pandai Berfikir* (2005) bersama Ainon Mohd., dan *Kamus Inggeris-Melayu untuk Penterjemah* (2004, 2015) bersama Ainon Mohd. Antara karya terjemahan beliau adalah *Pengenalan Linguistik Teoretis* (1993) bersama Rogayah Abdul Razak dan Wan Zailena Mohd. Noordin.

1 PENGUASAAN TATABAHASA BAHASA MELAYU OLEH PELAJAR ASING

Norsofiah Abu Bakar, Wan Azni Wan Mohamad

Guru Bahasa, Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, azni@usm.my
Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, abnorsofiah@usm.my

ABSTRAK

Kajian kerumitan pelajar asing terutama dari luar negara di universiti awam dan swasta terhadap sistem kata dan sistem ayat bahasa Melayu agak terhad. Kerumitan pelajar menguasai tatabahasa bahasa Melayu perlu dikaji dan didokumentasikan supaya pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran dapat digunakan. Objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan pola kesilapan pelajar dalam kata dan ayat, dan mencadangkan penggunaan korpus dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing. Kajian ini menggunakan kajian kualitatif, iaitu kajian kes. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar asing sukar menguasai imbuhan bahasa Melayu dan membina struktur ayat yang akur kepada urutan SKO. Kelihatan pelajar sukar untuk mengaplikasikan gabungan imbuhan dengan kata, dan sukar mempamerkan kefahaman terhadap pemahaman imbuhan. Hasilnya, kata yang dihasilkan tidak gramatis dan ayat menjadi tidak bermakna. Kajian ini juga menunjukkan beberapa teknik yang boleh digunakan dalam korpus. Kajian ini dengan korpus, memperlihatkan penggunaan bahasa yang sebenar.

Kata kunci : Pola kesilapan, korpus, pelajar asing

2 RAJAH POHON DAN RUMUS MORFOGRAFEMIK KATA KERJA DALAM MORFOLOGI (2006)

Hasmidar Hassan, Radiah Yusoff

(*Corresponding author*), Pensyarah Kanan, Universiti Sains Malaysia, hasmidar@usm.my
Pensyarah Kanan, Universiti Sains Malaysia, odyusoff.2020a@gmail.com

ABSTRAK

Kertas ini akan memindahkan huraian dan penjelasan terpilih tentang pembentukan beberapa kata kerja kompleks dalam buku *Morfologi* (Abdullah Hassan, 2006) ke dalam bentuk rajah pohon dan rumus morfografemik. Kata kerja kompleks untuk kertas ini ialah kata kerja yang dibentuk dengan menggunakan dua atau lebih morfem seperti (i) 'berekor' yang terdiri daripada imbuhan awalan 'beR-', yang merupakan morfem terikat, dan kata akar 'ekor', yang merupakan morfem bebas, (ii) 'menduduk-dadak' yang melibatkan penggandaan kata akar 'duduk', selain pengimbuhan awalan 'meN-', dan (iii) 'mengambil keputusan' yang melibatkan pemajmukan dua perkataan, iaitu 'mengambil' dan 'keputusan', selain pengimbuhan awalan 'meN-' untuk kata kerja dan apitan 'ke-...-an' yang digandingkan dengan kata akar 'putus' bagi membentuk kata nama 'keputusan' (Abdullah Hassan, 2006: 6, 80, 136, 260, 282). Pembentang juga akan memperlihatkan penggunaan beberapa istilah tradisional yang berteraskan Za'ba (2000), dalam buku *Morfologi* (Abdullah Hassan, 2006) seperti 'bangun membuat' untuk 'aktif' dan 'bangun kena buat' untuk 'pasif' (Abdullah Hassan, 2006: 100). Bagi melakar rajah pohon, platform dalam talian, iaitu (a) <http://ironcreek.net/phpsyntaxtree.legacy/> dan (b) <http://mshang.ca/syntaxtree/> akan digunakan. Di samping itu, rajah pohon dan rumus morfografemik ini akan dibandingkan dengan rajah pohon dan rumus morfografemik yang dijelmakan daripada buku *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (TBD) (Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, Abdul Hamid Mahmood, 2015). Hal ini demikian kerana TBD merupakan nahu pegangan atau nahu preskriptif untuk bahasa Melayu. Dalam hal ini, persamaan dan kelainan rajah pohon dan rumus morfografemik kedua-dua buku serta kerelevanan rajah pohon dan rumus morfografemik dengan pengajaran morfologi bahasa Melayu akan diperlihatkan.

Kata kunci: morfologi, rajah pohon, rumus morfografemik, kata kerja

3 BINAAN KATA KERJA TRANSITIF + KATA PENEGAS + OBJEK : SATU HURAIAN DARI SUDUT NAHU DAN SEMANTIK

Hasmidar Hassan, Radiah Yusoff

Pensyarah Kanan, Universiti Sains Malaysia, hasmidar@usm.my
Pensyarah Kanan, Universiti Sains Malaysia, odyusoff.2020a@gmail.com

ABSTRAK

Binaan KKT + kata penegas + objek banyak digunakan dalam ayat sama ada dalam bentuk penulisan mahupun pertuturan oleh pengguna bahasa Melayu. Namun, binaan KKT + kata penegas + objek ini tidak diterima sebagai bentuk yang gramatis oleh golongan pendidik di sekolah kerana dikatakan menyalahi rumus tatabahasa bahasa Melayu. Atas sebab ini, kajian tentang binaan KKT + kata penegas + objek dijalankan bagi menjelaskan isu kegramatisannya berdasarkan data yang dikutip daripada pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Kata penegas yang dipilih untuk tujuan analisis dalam binaan FKT ialah *lagi, juga, hanya* dan *sahaja*. Analisis data ini dibuat dengan menggunakan pendekatan nahu oleh Nik Safiah Karim *et al* (2013) dan Abdullah Hassan (2016) untuk menghuraikan binaan KKT + Penegas + Objek dari sudut struktur ayat dan analisis komponen makna yang diperkenalkan oleh Katz dan Fodor (1963) untuk memeri komponen makna kata penegas tersebut. Komponen-komponen makna kata penegas dikutip daripada makna Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Berdasarkan data sebanyak 136 ayat dengan binaan KKT + Kata Penegas + Objek yang dikumpulkan daripada Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka, analisis yang dibuat menunjukkan bahawa binaan KKT + kata penegas + objek tidak menyalahi rumus tatabahasa mahupun menghalang kegramatisan ayat kerana kata penegas ini bersifat bebas dan boleh hadir di mana-mana konstituen ayat sama ada di konstituen subjek mahupun predikat. Kata penegas ini ternyata mendukung makna yang membantu pengguna bahasa untuk memberikan maksud penegasan atau makna-makna lain kepada pendengar atau pembaca.

Kata kunci : kata kerja transitif, penegas, nahu, makna, korpus

4 DISFEMISME DALAM KALANGAN REMAJA

Jamilah Bebe Binti Mohamad

Pusat Bahasa Moden, Universiti Malaysia Pahang, jamilahbebe@ump.edu.my

ABSTRAK

Disfemisme dianggap senjata bahasa, yakni ungkapan yang digunakan untuk menyerang lawan. Hal ini demikian kerana disfemisme ialah ekspresi dengan konotasi yang kesat, sama ada bagi orang yang ditujukan (denotatum/referen), audiens atau kedua-duanya dan digunakan untuk menggantikan ekspresi neutral atau yang lebih molek (eufemisme) (Allan & Burrige, 1991: 26). Penggunaan disfemisme merupakan ekspresi atau ungkapan yang tidak sewajarnya digunakan secara terbuka kerana dianggap tidak sopan. Akhir-akhir ini kita mendapati corak komunikasi yang menjadi trend dalam kalangan remaja adalah penggunaan kata-kata tidak sopan, tidak berhemah dan beradab. Penggunaan disfemisme (memaki hamun atau mencarut) bukan sahaja terhad digunakan ketika dalam keadaan marah atau beremosi malah digunakan dalam perbualan santai dan bersahaja. Golongan remaja tidak lagi memaparkan unsur kesantunan yang sewajarnya dalam pertuturan mereka sehingga ungkapan tabu sebegini dianggap perkara biasa. Walhal tabu ialah kod bahasa yang dilarang, diharamkan atau ditegah untuk dipercakapkan pada masa dan tempat tertentu (Saville-Troike, 1991, 2003).

Menurut Kamus Dewan Edisi Baharu remaja ialah mereka yang dianggap sudah cukup umur atau muda iaitu pada peringkat peralihan daripada kanak-kanak menjadi dewasa. Berdasarkan definisi ini jelaslah bahawa golongan remaja ini sudah tentu mempunyai corak komunikasi mereka tersendiri. Objektif tinjauan ini adalah untuk meninjau dan memaparkan secara umum bentuk disfemisme dalam kalangan remaja. Fokus perbincangan adalah terhad kepada bentuk leksikal, bahasa figuratif, parafrasa atau sirlumkolusi (ungkapan yang lebih panjang yang dianggap penggunaan kata yang berlebihan atau tidak perlu untuk mengungkapkan fikiran) (*Gerbang Maya Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia*). Data dalam kertas kerja ini dipungut menerusi pemerhatian terhadap perbualan dalam kalangan remaja sama ada perbualan secara langsung mahupun menerusi rakaman video-video di media sosial. Data yang dikumpul dipaparkan dalam bentuk taip semula untuk digunakan sebagai contoh.

Kata Kunci: Disfemisme, ungkapan tidak sopan, eufemisme, remaja

5 PROSES PSIKOLOGI DAN STRATEGI KOGNITIF PENTERJEMAH DWIBAHASA

Anis Shahirah Abdul Sukur

(*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Universiti Sains Malaysia. sha_anis@usm.my

ABSTRAK

Pendidikan di Malaysia merangkumi peringkat prasekolah sehingga pengajian tinggi dan kesemua peringkat ini merupakan tahap pembinaan insan seimbang yang seiring dengan pertambahan usia. Menurut Suppiah, Ramlah & Abdul Aziz (2008), kecemerlangan akademik individu bergantung pada penguasaan bahasa. Kemahiran bahasa sebagai satu bentuk komunikasi ini dikatakan membantu dalam menentukan hala tuju akademik dan kerjaya. Antara bidang ilmu yang berkait rapat dengan kemahiran bahasa dan komunikasi manusia ialah bidang terjemahan. Bidang terjemahan berkembang di seluruh dunia dan ilmu ini disampaikan secara berstruktur. Dalam konteks Malaysia, ilmu terjemahan tidak dimuatkan secara langsung dalam kurikulum sekolah walaupun aktiviti menterjemah sering berlaku dalam pengajaran bahasa asing. Bialystok et al. (2013) dan Adesope et al. (2010) menghujahkan bahawa individu dwibahasa memiliki kemahiran kognitif yang baik. Namun, masih kurang kajian yang memfokuskan pada proses berfikir atau kognitif golongan ini apabila kajian dalam bidang pendidikan di Malaysia lebih memfokuskan pada domain bahasa yang sering diajarkan pada peringkat sekolah dalam bentuk mata pelajaran bahasa. Gile (2011) juga menyatakan bahawa kajian dalam bidang Pengajian Terjemahan cenderung ke arah mengkaji produk atau menganalisis hasil terjemahan. Perkembangan terkini memperlihatkan anjakan dari segi mengkaji 'produk yang dihasilkan oleh manusia' kepada mengkaji 'manusia yang menghasilkan produk'. Oleh itu, wujud keperluan untuk mengkaji proses kognitif golongan dwibahasa, iaitu penterjemah dalam konteks ini. Analisis dokumen secara sistematik akan dijalankan bagi menghuraikan proses psikologi yang berlaku dalam minda penterjemah serta strategi kognitif yang diaplikasikan oleh penterjemah. Implikasi kajian ini diharapkan dapat mencerahkan proses berfikir penterjemah serta membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) penterjemah pelatih.

Kata kunci: penterjemah, dwibahasa, pemikiran, psikologi, pendidikan

6 KATA SAPAAN DAN RUJUKAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT BANJAR TERPILIH DI DAERAH KERIAN, PERAK

Yusmawati Mat Yusofⁱ Mohd Khaidir Abdul Wahabⁱⁱ

ⁱPelajar sarjana, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, yusmawati_matyusof@yahoo.com.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Bahagian Pengajian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, mohdkhaidir@usm.my

ABSTRAK

Kajian ini secara umumnya adalah bertujuan untuk menganalisis penggunaan kata sapaan dan rujukan dalam kalangan masyarakat Banjar yang menjadi majoriti penduduk di daerah Kerian. Harimurti Kridalaksana (1982), mentakrifkan 'kata sapaan' sebagai kata-kata yang digunakan untuk menyebut dan memanggil seseorang dalam peristiwa bahasa. 'Kata rujukan' pula menurut Asmah (2015), bermaksud orang yang dirujuk dalam percakapan atau penulisan sebagai diri orang ketiga. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk kata sapaan dan rujukan masyarakat Banjar terpilih di daerah Kerian, Perak. Pengkaji menggunakan tiga kaedah atau peraturan dalam penggunaan kata sapaan yang dikemukakan oleh Ervin-Tripp (1986), iaitu *Alternation rules*, *Co-occurrence rules* dan *Sequencing rules*. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif, iaitu kaedah analisis teks, kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Data dikumpulkan melalui pemerhatian, temubual dan rakaman yang dibuat di dua mukim utama di daerah Kerian, iaitu Bagan Serai dan Parit Buntar. Pengkaji membahagikan masyarakat Banjar di kawasan kajian kepada dua kumpulan iaitu KBB (Keluarga Berketurunan Banjar) dan KBBC (Keluarga Berketurunan Banjar Campuran). Kajian ini mendapati bentuk kata sapaan dan rujukan masyarakat Banjar terbahagi kepada tiga bentuk utama, iaitu kata ganti nama diri, kekeluargaan dan masyarakat. Kajian ini juga mendapati penggunaan kata sapaan dan rujukan masyarakat Banjar hanya digunakan dalam kalangan golongan tua KBB dan KBBC. Penggunaan bentuk kata sapaan dan rujukan ini kebanyakannya sudah tidak digunakan lagi dalam kalangan golongan muda, khususnya golongan remaja KBBC.

Kata kunci: Kata Sapaan, Kata Rujukan, Masyarakat Banjar Terpilih, Daerah Kerian

7 BAGAIMANAKAH CARA MENGANGKAT BUAH FIKIRAN LEBIH TINGGI?

Jamal Rizal Razali

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, jamalrizal@ump.edu.my

ABSTRAK

Melalui bahasa, manusia mampu melakukan sesuatu yang melampaui munasabah akal. Sebagai contoh, manusia mengatakan "air" boleh dicincang atau dijadikan bulat, "silaturahim" boleh diputus atau disambung sedangkan kita mengetahui bahawa kedua-duanya bukanlah "objek" yang wujud secara nyata (konkrit) atau boleh dipegang. Keadaan ini sebenarnya dapat dikaitkan dengan proses pengkonsepsian yang dilakukan oleh penutur terhadap kata atau bahasa mereka bagi memerikan buah fikiran, keadaan atau sesuatu bagi mempermudah pendengar memahaminya. Daripada sudut pandang Linguistik Kognitif, proses pengkonsepsian ini berlaku di dalam mental pengguna bahasa dan dipengaruhi oleh faktor-faktor bukan bahasa. Penutur akan menggunakan pengalaman, pengetahuan dan maklumat yang dikumpul sepanjang hidupnya sebagai asas dan panduan dalam proses membina struktur konsepsi dan linguistik semasa bercakap. Hal ini berkaitan dengan pendapat Charteris-Black (2004, 2005) melalui Teori Analisis Metafora Kritis (TAMK) bahawa proses pengkonsepsian sesuatu idea atau buah fikiran di dalam sesebuah wacana berkait erat dengan khazanah pengetahuan dan pengalaman (bukan kebahasaan) yang dimiliki oleh sesebuah komuniti bahasa. Dalam kajian ini, data dikumpul daripada percakapan sehari-hari di sebuah pejabat. Tumpuan analisis ialah proses menggambarkan sesuatu yang abstrak sebagai sesuatu yang konkrit. Secara lebih khusus, proses ini dikenali sebagai Metafora Konsepsi Ontologikal (Reifikasi), iaitu tindakan penutur memberikan sifat konkrit kepada sesuatu yang abstrak dengan tujuan mempermudah pembaca atau pendengar memahami dan menghayati wacana tersebut. Bagi menghuraikan proses tersebut, pengkaji akan menggunakan Teori Metafora Konsepsi (TMK) oleh Lakoff dan Johnson (1980) sebagai panduan melakukan analisis.

Katakunci: *Pengkonsepsian, Metafora Konsepsi, Domain Sasaran, Domain Sumber, Reifikasi*

8 PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA MELALUI PROSES LATIHAN DAN PENGULANGAN: SATU KAJIAN KES

Siti Hasnah Zainal Abidin, Muhammad Zuhair Zainal

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia,
cthasnah@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, zuhair@usm.my

ABSTRAK

Pembelajaran bahasa kedua sangat memerlukan proses latihan dan pengulangan kerana proses tersebut dapat membentuk kebiasaan. Konsep ini merupakan salah satu prinsip pembelajaran bahasa kedua yang sangat penting yang menjadi perbincangan hangat dalam kalangan ahli sarjana bahasa dan pendidikan dari dahulu hingga sekarang. Abdullah Hassan pernah mendiskusikan hal ini pada tahun 80-an. Menurut beliau, seorang guru yang mengajar bahasa kedua haruslah memastikan para pelajar melalui proses latihan yang begitu rapi, tertutamanya kepada mereka yang sering kali gagal menguasai pembelajaran bahasa kedua disebabkan oleh lakuan bahasa ibunda mereka. Oleh sebab itu, proses latihan dan pengulangan merupakan satu proses yang sangat ideal untuk mempelajari lakuan baharu, terutamanya dalam pembelajaran bahasa kedua. Proses ini akan menghasilkan perubahan tingkah laku dan menyebabkan tingkah laku baharu tersebut tekal dalam diri para pelajar yang mempelajari bahasa kedua. Hal ini dikatakan demikian kerana proses pembelajaran seperti ini dapat memberikan kesan yang positif kepada para pelajar kerana aktiviti latihan dan pengulangan dapat memberikan kefahaman yang mendalam kepada mereka. Sehubungan itu, kertas kerja ini akan membincangkan tentang hasil pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua melalui proses latihan dan pengulangan. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah kajian kes. Sampel kajian ini ialah seramai enam orang pelajar bukan penutur jati bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa proses latihan dan pengulangan dapat menghasilkan tindak balas yang positif terhadap penggunaan bahasa Melayu yang betul.

Kata kunci: pembelajaran bahasa Melayu; bahasa kedua; latihan; pengulangan; behaviorisme

9 KAITAN PENGGUNAAN BAHASA DENGAN MENTALITI: SATU TINJAUAN DALAM MEDIA SOSIAL FACEBOOK PENGASAS PRODUK KECANTIKAN

Nur Aisyah M.Ridzuan, Helmey Zainee Mohd Zain, Zuraihan Zakaria, Nurul Adillah Ramlan

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia

nuraisyah@usm.my, zainee@usm.my, zuraihan@usm.my, nurul@usm.my

ABSTRAK

Bahasa merupakan alat komunikasi antara penutur dengan pendengar. Bahasa boleh disampaikan secara lisan atau melalui bahasa badan. Menurut Kamus Dewan (2010:106), bahasa ialah sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia antara seorang individu dengan individu yang lain. Manakala mentaliti (2010:121) pula bermaksud keadaan atau kualiti kebolehan akal dan juga boleh ditafsirkan sebagai cara berfikir. Dalam kajian ini, bahasa mempunyai kaitan dengan mentaliti seseorang. Pertuturan bukan sahaja dapat mencerminkan penuturnya malah dapat mengetahui jenis pekerjaan, latar belakang, tahap pendidikan dan status sosial dalam masyarakat. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kualitatif iaitu mengenal pasti, menyenaraikan dan menganalisis bahan kajian. Fokus utama kajian ialah penggunaan bahasa yang digunakan dalam *facebook* oleh pengasas produk kecantikan yang pilih secara rawak dari negeri Kelantan. Kajian juga akan mengenal pasti, menyenaraikan bahasa tidak sopan dalam sesi *live facebook* dan menganalisis penggunaan bahasa tersebut dengan mentaliti seseorang pengasas produk kecantikan. Hasil kajian diharapkan dapat memperbaiki mutu penggunaan bahasa selaras dengan tatabahasa yang betul dan menjadi rujukan masyarakat kerana kebanyakan pengasas produk kecantikan dilihat sebagai figura yang mempunyai pengaruh yang ramai.

10 SUMBANGAN ABDULLAH HASSAN DALAM MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU TINGGI

Salinah Jaafar

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, b1salina@um.edu.my

ABSTRAK

Perjuangan meningkatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang mampu membicarakan kesemua bidang ilmu yang ada di dunia ini sentiasa dilakukan berterusan oleh pakar bahasa dan perancang bahasa Melayu. Bahasa Melayu hari ini sudah mampu menjadi bahasa ilmu yang digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang tidak kira bidang sains dan teknologi mahupun bidang sastera dan kemanusiaan. Bahasa Melayu yang menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi negara-negara berbahasa Melayu telah melalui pelbagai proses perancangan bahasa. Bahasa Melayu tinggi ialah bahasa yang digunakan dalam mengungkapkan konsep dan pemikiran yang teknikal dan maju, dan yang berfungsi sebagai sarana budaya tinggi (Nik Safiah Karim, 1986: 6-7). Awang Sariyan (1996: 117), menyatakan bahawa bahasa Melayu tinggi ialah ragam bahasa Melayu yang digunakan untuk pembinaan dan pengembangan ilmu, pemikiran dan teknologi. Bahasa ilmu adalah bahasa yang digunakan untuk mengungkapkan ilmu dan memiliki ciri-ciri tersendiri. Nik Safiah Karim (1986:14) menyatakan bahawa Bernstein (1968) membahagikan bahasa kepada dua variasi iaitu bahasa terhad dan bahasa terbina. Untuk maksud penulisan ilmu, variasi bahasa terbina menjadi asas utama kerana tidak mungkin bahasa basahan atau bahasa tidak formal digunakan dalam sesuatu bahasa. Untuk menguasai bahasa terbina yang menjadi asas bahasa ilmu, pengguna bahasa Melayu perlu menguasai ragam bahasa dan juga laras bahasa. Penglibatan Abdullah Hassan dalam memperjuangkan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa tinggi telah sebatik dalam jiwanya. Bagi beliau bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan demi memandatkan rakyat, bagi mengekalkan nilai dan jati diri melalui himpunan memori bangsa. Menurut Abdullah Hassan, Bahasa Melayu Tinggi ialah Bahasa Melayu yang mematuhi peraturan tatabahasa dengan rapi dan mematuhi peraturan tatabudaya dengan sempurna. Tatabudaya ini dilihat dari aspek kata panggilan, pemilihan neka, pemilihan retorik, pemilihan leksikon, simpulan bahasa, peribahasa, gurindam supaya sesuai dengan konteks penggunaan bahasa tersebut.

Kata kunci: Bahasa Melayu Tinggi, bahasa budaya, kedaifan bahasa, pemartabatan

11 PENGARUH PERSONALITI INTROVERT – EKSTROVERT TERHADAP KECENDERUNGAN MEMBISU BERPANDUKAN KEMAHIRAN BERBAHASA DALAM KALANGAN PEKERJA MELAYU DI ORGANISASI JERMAN DI MALAYSIA

Robe'ah Yusuf
Azhar Hj Wahid (PHD)
Siti Asma' Mohd Rosdi (PHD)

Universiti Pendidikan Sultan Idris, robe'ah@pbmpu.upsi.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan tentang kecenderungan membisu dalam kalangan pekerja Melayu dalam organisasi Jerman terpilih. Reka bentuk kajian secara rentas lapangan. Pendekatan kajian kuantitatif diaplikasikan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Responden terdiri daripada 360 orang pekerja Melayu yang mempunyai ketua terdekat berbangsa Jerman. Responden dipilih melalui kaedah persampelan berstrata (stratified random sampling). Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti pemboleh ubah kemahiran bahasa yang menentukan kejayaan atau kegagalan komunikasi di tempat kerja. Manakala personaliti responden sama ada introvert atau ekstrovert turut diambil kira sebagai pemboleh ubah berubah yang dijangka mampu mempengaruhi kecenderungan membisu. Kecekapan bahasa Inggeris dan Jerman diukur untuk menjelaskan adakah faktor bahasa menjadi punca kewujudan kecenderungan membisu dalam kalangan responden. Hasil kajian mendapati, pekerja Melayu dengan personaliti ekstrovert dengan tahap mahir berbahasa Inggeris dan tahap sederhana dalam bahasa Jerman, mempunyai kecenderungan membisu yang lebih rendah (lebih berani bersuara) berbanding dengan pekerja yang mempunyai kemahiran berbahasa Inggeris dan Jerman yang sederhana dan lemah. Hal ini menunjukkan kemampuan berbahasa yang baik membantu memberi keyakinan kepada pekerja berbangsa Melayu dalam urusan pekerjaan khususnya dalam menjayakan komunikasi bersama ketua terdekat berbangsa Jerman.

Kata kunci : kemahiran bahasa, Inggeris , Jerman, ketua terdekat, komunikasi

12 KESEDARAN DAN REALISASI BUNYI [⊗] DALAM PENULISAN MASYARAKAT PENUTUR DIALEK MELAYU UTARA

Norhaniza Abdul Khairi

Universiti Sains Malaysia, norhaniza.khairi@usm.my

ABSTRAK

Penulisan artikel ini merupakan satu kajian deskriptif yang mengkaji penggunaan serta pemilihan fonem bagi bunyi [⊗] menerusi kaji selidik ke atas 118 orang responden secara atas talian. Responden yang dipilih ini merupakan penutur yang menggunakan dialek Melayu utara semenanjung Malaysia seperti Perak Utara, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Kajian ini teretus disebabkan pemerhatian ke atas penulisan komen dalam facebook kumpulan peniaga di negeri utara semenanjung Malaysia yang menulis /q/ atau /gh/ sebagai paparan bunyi [⊗] dalam penulisan mereka. Pemilihan fonem yang tidak konsisten sebegini jelas memperlihatkan bahawa masyarakat pengguna dialek Melayu tidak peka atau kurang didedahkan dengan penggunaan fonem yang tepat bagi bunyi ujaran yang mereka gunakan. Oleh itu, satu bentuk kesedaran memilih fonem yang tepat bagi lambang bunyi ujaran telah mendorong penghasilan kajian ini. Soal selidik atas talian memaparkan sepuluh data yang mengandungi bunyi [r] pada posisi awal, tengah dan akhir perkataan. Responden dikehendaki mengenalpasti sama ada bunyi [r] dalam dialek Melayu utara yang mereka gunakan; dipaparkan sebagai /q/ atau /gh/ dalam penulisan. Dapatan soal selidik mendapati sebahagian besar responden menyedari bahawa padanan fonem bagi bunyi [⊗] dalam dialek Melayu utara ialah /gh/. Namun begitu, menerusi komen-komen di facebook yang ditelaah dikenalpasti, didapati pengguna menggunakan /q/ sebagai paparan bunyi [⊗] dalam dialek Melayu utara. Justeru, kajian kesedaran penggunaan simbol bunyi yang betul dalam masyarakat penulis masa kini wajar diperluaskan. Pengkaji-pengkaji bahasa dan linguistik perlu memainkan peranan untuk memberikan kesedaran dan memperbaiki pemilihan fonem sebagai paparan bunyi dalam dialek yang sebenar agar masyarakat penutur dialek Melayu menggunakan fonem yang betul dan sesuai dalam penulisan mereka.

Kata Kunci: fonetik, analisis deskriptif, bunyi [⊗], dialek Melayu Utara

13 PENJANAAN MINDA KREATIVITI PERIBUMI MELALUI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU. APAKAH STRATEGINYA?

Muhammad Zuhair Zainal, Md. Baharudin Abdul Rahman

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, zuhair@usm.my, mdbahar@usm.my

ABSTRAK

Menurut Abdullah Hassan (2013) proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Malaysia yang tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar akan menyebabkan kreativiti peribumi terhapus. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila ilmu sampai ke dalam benak rakyat, tetapi rakyat tidak menerimanya melalui bahasa mereka sendiri, maka ilmu yang diterima tersebut diselubungi oleh konsep dan pemahaman barat. Mereka yang menerima ilmu tersebut selalunya menjadi pengguna kepada produk yang dihasilkan oleh masyarakat barat dan mereka juga gagal menggunakan minda sendiri untuk berfikir. Oleh sebab itu, proses memandaikan para pelajar di seluruh sekolah kebangsaan di Malaysia haruslah menggunakan bahasa Melayu kerana penggunaan bahasa Melayu dapat membantu mereka untuk memperoleh ilmu dengan cepat. Di samping itu, setelah mereka mendapat ilmu tersebut, minda kreativiti peribumi yang dimiliki oleh mereka akan menjana idea-idea yang mungkin tidak terdapat di tempat lain. Berdasarkan pemikiran Abdullah Hassan ini, penulis berpandangan bahawa konsep dan aspek kreativiti peribumi wajar diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kerana bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua pelajar di sekolah kebangsaan. Melalui penerapan konsep dan aspek kreativiti peribumi dalam PdP bahasa Melayu, minda para pelajar dapat dirangsang bagi membolehkan mereka untuk menjana idea-idea yang luar biasa berasaskan kerangka kreativiti peribumi. Oleh hal yang demikian, strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai perlu difikirkan bagi melaksanakan hasrat tersebut.

Kata Kunci: Kreativiti Peribumi; Strategi Pengajaran dan Pembelajaran; Bahasa Melayu; Abdullah Hassan

14 KOMUNIKASI DAN HASIL: EKSPRESI TERHADAP GAGASAN KOMUNIKASI INTIM ABDULLAH HASSAN DAN AINON MOHD

Md. Baharuddin Abdul Rahman, Muhammad Zuhair Zainal

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, mdbahar@usm.my,
zuhair@usm.my

ABSTRAK

Kekuatan komunikasi sering dikaitkan dengan hubungan antara manusia merangkumi daya penarik terhadap nilai persahabatan dan kekeluargaan yang memuaskan serta berkekalan (Abdullah Hassan & Ainon Mohd, 2002). Oleh itu, keberhasilan komunikasi perlu diperkukuh melalui proses aplikasi (praktis) penyampaian dalam meningkatkan hasil domain-domain kemahiran komunikasi pelajar. Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2002) berpandangan bahawa komunikasi intim perlu mempunyai elemen keintiman yang dalamnya terdapat beberapa domain asas seperti persahabatan (kerja berpasukan), kekeluargaan (tanggungjawab) dan kasih sayang (prihatin) yang perlu diaktifkan secara berterusan. Di sebalik fungsi kemahiran komunikasi intim yang digagaskan oleh Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2002), beberapa domain-domain pengukuran yang boleh kembangkan melalui Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) atau *Work Based Learning* (WBL). Kertas kerja ini akan membincangkan tentang peranan PBK terhadap kemahiran komunikasi pengucapan awam bagi 15 orang pelajar bakal guru. Hasil uji lari menunjukkan bahawa Domain Prihatin [P2] adalah sebanyak 75 peratus, manakala Domain Tanggungjawab [A2] adalah sebanyak 62 peratus, dan bagi domain Kerja Berpasukan [P2] dan Domain Aplikasi [A2] menunjukkan impak yang sangat positif, iaitu 100 peratus. Selain itu, Domain Tanggungjawab 2 [A2] menurun kepada 70 peratus, namun Domain Aplikasi 2 [A2] dan Kerja Berpasukan 2 [P2] menunjukkan impak yang sangat positif, iaitu 100 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa konsep PBK melalui gagasan komunikasi intim Abdullah Hassan dan Ainon Mohd memberikan kesan yang positif kepada kemahiran komunikasi pelajar, iaitu sebanyak 86.71 peratus. Melalui hasil dapatan uji lari PBK bagi pengukuran tujuh (7) domain berasaskan gagasan Komunikasi Intim Abdullah Hassan & Ainon Mohd diharap dapat menjadi rujukan penting kepada para pendidik bagi mengaplikasikan pendekatan PBK yang lebih efektif bagi pembinaan kemahiran komunikasi pelajar.

Kata Kunci: *Komunikasi Intim; Abdullah Hassan; Pembelajaran Berasaskan Kerja; Pengucapan Awam, Persahabatan; Kekeluargaan; Kasih Sayang*

15 AMANAT PROF.DOLLAH: DARI USM KE SEMANGGOL HINGGA BAHASA MELAYU TINGGI

Noordin Mohd Noor

Pusat Pengajian Bahasa,, Literasi dan Terjemahan, noordin@usm.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini diusahakan untuk mengisi ruang dalam seminar Pemikiran Abdullah Hassan. Difokuskan pada bidang komunikasi. Prof Abdullah Hassan sudah bersara daripada Universiti Sains Malaysia. Namun persaraan beliau bukanlah noktah kepada beliau untuk terus mencurahkan tenaga memberi pandangan serta pemikiran terutama tentang bahasa Melayu. Didapati sebagai guru/pensyarah bahasa Melayu, pemikiran yang dicatatkan oleh beliau sangat berguna kepada saya. Beberapa pemikiran beliau dapat dan telah saya jadikan modal untuk pegajaran dan pembelajaran bahasa Melayu khususnya di Universiti Sains Malaysia atau di mana juga saya pergi untuk berbicara tentang bahasa Melayu. Oleh yang demikian kertas kerja yang diusahakan ini akan mengambil beberapa pemikiran yang telah dilahirkan oleh Abdullah Hassan untuk kita pelajari dan fahami serta kita jadikan pedoman dalam meneruskan perjuangan melestarikan bahasa kebangsaan kita. Jika bukan kita siapa lagi?

Kata kunci : pemikiran, pandangan, pedoman bahasa Melayu Tinggi

16 SLAGA DALAM MEDIA SOSIAL

Anis Nabilla Ahmad

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia,
anis_nabilla@usm.my

ABSTRAK

Bahasa merupakan satu alat komunikasi penting dalam sesuatu masyarakat. Keindahan berbahasa sememangnya melambangkan keperibadian penuturnya. Namun begitu kepesatan penggunaan media sosial seperti “*Facebook, Wechat, Twitter, Instagram, WhatsApp*” dan lain-lain telah menyumbangkan kepada perubahan bahasa terutamanya dalam kewujudan bahasa slanga. *Kamus Linguistik* (1997) mendefinisikan slanga sebagai kecacatan pengucapan dalam pembendaharaan kata tertentu yang digunakan oleh sekelompok kumpulan penutur dan tidak dapat difahami oleh komuniti luar. Tambahan pula ungkapan slanga kini tercipta dalam bentuk yang janggal, kabur dalam konteks, struktur dan tatabahasa tidak tepat serta tidak memerikan makna sebenar. Hal ini bersesuaian dengan pernyataan *Bloomfield* (1933) yang mengatakan bahawa leksikal slanga diungkapkan dalam bentuk singkatan kata, dimodifikasikan dalam bentuk yang lucu, dan bentuk kata seru hanya untuk difahami oleh ahli kumpulan terlibat sahaja. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan mengenal pasti leksikal slanga serta makna konteks dalam bentuk tulisan di media sosial. Kaedah kajian ini berbentuk kualitatif dengan reka bentuk analisis data kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengguna media sosial cenderung menggunakan slanga dalam kelompok tersendiri sahaja dengan makna konteks yang pelbagai seperti menzahirkan perasaan dan gurauan. Secara keseluruhan kajian ini menyingkap penggunaan slanga dalam media sosial sekali gus memberikan pemahaman kosa kata slanga kepada masyarakat agar dapat mengelakkan kekeliruan makna dalam komunikasi.

Kata kunci: *Slanga, Media Sosial, Komunikasi, Konteks Makna*

17 TEKNOLOGI STRUKTUR KONSEPTUAL DALAM PENGAJIAN SEMANTIK GERAK BAHASA MELAYU

Nurul Jamilah Rosly

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, nuruljamilah85@yahoo.com

ABSTRAK

Perkembangan teori semantik semakin terus berkembang pada abad ini. Begitu juga dalam konteks semantik formal iaitu teori struktur konseptual yang dianjurkan oleh Ray Jackendoff (2010). Kajian ini akan membincangkan konsep utama dalam pembinaan teori ini dan dapatan data dengan menggunakan leksikal gerak bersifat ruang bersifat arah iaitu *balik* bagi melengkapkan organisasi pembinaan teori ini. Perbincangan data ini diambil daripada Pangkalan Data Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia sebagai bahan dan contoh kajian. Hasil dapatan menunjukkan terdapat tiga tatatingkat utama utama yang mendasari teori ini iaitu pemetaan kepada representasi Peraturan Argumen-Adjung, representasi struktur konseptual dan representasi ruang. Hasil dapatan menunjukkan, kehadiran gerak ruang bersifat arah, tambah, menjadi dan orientasi hadir dalam fungsi **[PERISTIWA]** dan **[KEADAAN]** yang boleh diramalkan kehadiran preposisinya seperti *dari, daripada, ke, kepada, di, di seberang, di sekitar, di sekeliling* dan *di sepanjang* dalam hala bersifat terikat, arah dan laluan. Sehubungan dengan itu kajian ini akan meneliti dan mengkaji leksikal gerak ruang dan bukan ruang bahasa Melayu secara sistematik dan berpadu.

Kata kunci: argumen, konstituens, struktur konseptual, tematik dan representasi.

18 PENGAJARAN BAHASA MELAYU DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH PSIKOLINGUISTIK

Jong Hui Ying

Universiti Sains Malaysia, jonghuiying@usm.my

ABSTRAK

Psikolinguistik perkembangan dan psikolinguistik gunaan memainkan peranan yang penting dalam penentuan cara pengajaran yang berkesan. Teori-teori psikolinguistik yang membincangkan aspek perkembangan fizikal dan mental manusia boleh diambil kira ketika program-program pengajaran dan bahan pengajaran perlu ditentukan. Dalam pengajaran bahasa, perkara yang tidak boleh dielakkan ialah kaedah pengajaran bahasa. Apabila menerapkan ilmu psikolinguistik ke dalam pengajaran bahasa, maka kaedah pengajaran semestinya berhubungkait dengan psikolinguistik. Terdapat tiga kaedah dalam pengajaran bahasa dan tiga kaedah ini dibina berasaskan prinsip-prinsip psikolinguistik, iaitu kaedah semula jadi, kaedah total respons fizikal dan kaedah suggetopedia. Penerapan kaedah-kaedah ini dengan cara yang betul adalah dianggap penting kerana kaedah pengajaran yang betul akan menentukan sama ada seseorang individu tersebut berjaya mempelajari atau menguasai bahasa sasarannya ataupun sebaliknya.

19 HUBUNGAN KEKERABATAN BAHASA BANJAR DENGAN BAHASA MELAYU: KAJIAN PERBANDINGAN LEKSIKOSTATISTIK

Mohd Khaidir Abd Wahab

Pensyarah Kanan, Universiti Sains Malaysia, mohdkhaidir@usm.my

ABSTRAK

Bahasa Banjar merupakan bahasa Austronesia yang dituturkan oleh suku Banjar di Kalimantan, Indonesia sebagai bahasa ibunda. Bahasa Banjar adalah cabang bahasa yang berkembang dari bahasa Melayu. Bahasa Banjar dihipotesiskan sebagai bahasa proto-Malayik, sama seperti bahasa Minangkabau dan bahasa Serawai atau Bengkulu. Makalah ini akan meneliti hubungan kekerabatan antara bahasa Banjar dengan bahasa Melayu dengan cara menyenaraikan kosa kata dasar kedua-dua bahasa ini dengan menggunakan kaedah perbandingan leksikostatistik. Kaedah ini menentukan kadar peratusan kata berkerabat dengan cara menghitung jumlah kata berkognat melalui penelitian unsur retensi dan unsur inovasi. Tinjauan dan penyenaian kosa kata asas bahasa ini akan memanfaatkan senarai 100 kata Morris Swadesh. Perbandingan bahasa dalam makalah ini bukannya bertujuan untuk memperoleh gambaran bahasa induk tetapi memfokuskan usaha meneliti perubahan dua bahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Banjar. Dengan penelitian tersebut, maka dapat ditentukan tingkat kekerabatan bagi kedua-dua bahasa ini. Daripada 100 perkataan yang dibandingkan sebanyak 91 kosa kata atau 91.9% bahasa Banjar yang berkognat dengan bahasa Melayu. Berdasarkan peratus kekerabatan ini memperlihatkan bahasa Banjar dan bahasa Melayu berada pada tingkat kekerabatan bahasa. Walaupun hubungan kekerabatan bahasa Banjar dengan bahasa Melayu sangat rapat, iaitu berada dalam tingkat kekerabatan bahasa, orang Melayu tidak dapat memahami bahasa Banjar kecuali dengan mempelajarinya. Dapatan kajian ini merupakan usaha kecil mendokumentasikan unsur linguistik bahasa Banjar yang semakin dipinggirkan.

Kata Kunci: Kekerabatan; bahasa Banjar; bahasa Melayu; perbandingan; leksikostatistik.

ORGANISASI JAWATANKUASA

PENASIHAT Profesor Dr. Salasiah Che Lah
Dekan PP Bahasa, Literasi dan Terjemahan

Profesor Dr. Hairul Nizam Ismail
Dekan PP Ilmu Pendidikan

Profesor Madya Dr. Jasni Sulong
Pemangku Dekan PP Ilmu Kemanusiaan

**PENGERUSI
BERSAMA** Puan Nur Faraliana Mohd Yusoff
Dr Muhammad Zuhair bin Zainal
Dr Jong Hui Ying

SETIAUSAHA Puan Azlina Md. Sadik

BENDAHARI Dr Mohd Khaidir Abdul Wahab

SEKRETARIAT Puan Razalina Md Radzi
Dr Norsofiah Abu Bakar
Cik Mazlina Baharudin
Cik Siti Hasnah Zainal Abidin

JAWATANKUASA PUBLISITI/ PENAJAAN

Puan Julie Azita Rosli

PM Dr Shahabuddin Hashim

Puan Anis Nabilla Ahmad

Puan Aisyah Wahab

Puan Suhana Yusof

Puan Norhaniza Abdul Khairi

JAWATANKUASA ABSTRAK & PENERBITAN

Dr Jong Hui Ying

Dr Muhammad Zuhair bin Zainal

Dr Noordin Mohd Noor

Dr Hasmidar Hassan

Dr Radiah Yusoff

Ts. Dr Md. Baharuddin Haji Abdul Rahman

En. Tan Hock Thye

JAWATANKUASA TEKNIKAL

Puan Nor Hayati Abd Ghani

Puan Nur Amirah Abdul Aziz

Puan Wan Azni Wan Mohamad

KERJASAMA



ديوان بهاس دان قوستاكة
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia



قرساتوان
قنديديق بهاس ملايو مليسيا
Persatuan Pendidik Bahasa Melayu Malaysia